



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 68

Bil. 1

**20hb Januari 2015**

*TAMBAHAN No. 2*

*PERUNDANGAN*

---

---

**Pk. P.U. 2.**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

PERATURAN-PERATURAN JAWATANKUASA KARIAH  
NEGERI PERAK 2015

---

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA KARIAH

3. Pelantikan Jawatankuasa Kariah
4. Tanggungjawab Jawatankuasa Kariah
5. Keanggotaan Jawatankuasa Kariah
6. Cara pelantikan anggota Jawatankuasa Kariah

Peraturan

7. Kelayakan anggota Jawatankuasa Kariah
8. Tempoh pelantikan
9. Penamatan pelantikan
10. Pembatalan, penggantungan pelantikan dan peletakan jawatan
11. Pengisian kekosongan
12. Penyerahan harta, barangan berharga, dokumen berkaitan dan lain-lain
13. Jawatankuasa Kecil

BAHAGIAN III

JAWATANKUASA SURAU

14. Penubuhan Jawatankuasa Surau
15. Pemakaian Peraturan-Peraturan

BAHAGIAN IV

PROSEDUR MESYUARAT JAWATANKUASA KARIAH

16. Mesyuarat Jawatankuasa Kariah
17. Kuorum
18. Notis
19. Minit

BAHAGIAN V

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

20. Mesyuarat Agung Tahunan
21. Notis Mesyuarat Agung Tahunan
22. Usul

BAHAGIAN VI

TUGAS ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH

23. Tugas Pengerusi
24. Tugas Timbalan Pengerusi
25. Tugas Setiausaha
26. Tugas Penolong Setiausaha
27. Tugas Bendahari

---

Peraturan

- 28. Tugas Ahli-ahli Jawatankuasa
- 29. Tugas Pemeriksa Kira-kira

BAHAGIAN VII  
KUASA MAJLIS

- 30. Kuasa Majlis

BAHAGIAN VIII  
KEWANGAN

- 31. Akaun Kewangan Masjid
- 32. Perbelanjaan

BAHAGIAN IX  
PENALTI

- 33. Penalti

BAHAGIAN X  
PELBAGAI

- 34. Peralihan
- 35. Pemansuhan

## ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

## PERATURAN-PERATURAN JAWATANKUASA KARIAH

## NEGERI PERAK 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 93(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*], Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan membuat peraturan-peraturan yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Jawatankuasa Kariah Negeri Perak 2015 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ahli kariah” ertinya seseorang yang tinggal tetap atau pada kelazimannya bermukim dalam sesuatu kariah masjid;

“Enakmen” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*];

“Jabatan” ertinya Jabatan Agama Islam Perak;

“Jawatankuasa Kariah” ertinya Jawatankuasa Kariah yang ditubuhkan di bawah peraturan 3 Peraturan-Peraturan ini;

“kariah masjid” berhubung dengan sesuatu masjid, ertinya kawasan yang di dalamnya masjid itu terletak;

“Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik di bawah subseksyen 16(1) Enakmen;

“Mahkamah” ertinya mana-mana Mahkamah di dalam Persekutuan yang mempunyai bidang kuasa kompeten;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen;

“masjid” ertinya suatu bangunan—

- (a) yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam; dan
- (b) yang penggunaannya sebagai sedemikian dibenarkan oleh Majlis di bawah seksyen 87 Enakmen,

dan termasuklah mana-mana surau, madrasah atau bangunan lain yang ditetapkan oleh Majlis sebagai masjid di bawah seksyen itu;

“Orang Besar Jajahan” ertinya Orang Besar Jajahan yang dilantik di bawah Perkara LXXIV Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak;

“pegawai” ertinya mana-mana pekhidmat awam yang bertugas di Jabatan atau Majlis;

“Pegawai Penyelaras Masjid Daerah” ertinya pegawai lantikan Majlis yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab bagi membantu hal ehwal pentadbiran dan pengurusan masjid serta surau di dalam Negeri Perak;

“Pegawai Tadbir Agama” ertinya mana-mana Pegawai Agama yang dilantik bagi daerah-daerah dalam Negeri Perak Darul Ridzuan;

“Pengarah” ertinya Pengarah Jabatan Agama Islam Perak yang dilantik di bawah seksyen 16A Enakmen; dan

“surau” ertinya suatu bangunan—

- (a) yang digunakan bagi sembahyang kecuali sembahyang Jumaat dan kegiatan yang disuruh, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam;
- (b) yang penggunaannya sebagai yang sedemikian telah dibenarkan oleh Majlis; dan
- (c) yang tapaknya telah dijadikan wakaf yang berkekalan.

## BAHAGIAN II

### JAWATANKUASA KARIAH

#### **Pelantikan Jawatankuasa Kariah**

3. (1) Melainkan jika dikecualikan, Majlis hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Kariah, bagi tiap-tiap kariah masjid dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.

(2) Bagi sesebuah masjid yang tidak mempunyai kariah, Majlis hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Pentadbiran Masjid, dianggotai oleh anggota yang sesuai dan layak, yang dilantik oleh Majlis.

(3) Dalam hal keadaan di mana wujud lebih daripada satu masjid dalam sesuatu kariah, bagi masjid yang tidak dijadikan Jawatankuasa Kariah, Majlis hendaklah melantik suatu jawatankuasa bagi mentadbir masjid itu dan jawatankuasa tersebut hendaklah bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Kariahnya.

(4) Bagi maksud peraturan ini, jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subperaturan (2) dan (3) hendaklah tertakluk kepada peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

**Tanggungjawab Jawatankuasa Kariah****4. Jawatankuasa Kariah hendaklah bertanggungjawab—**

- (a) membimbing ahli kariah dari segi aqidah, syariah, ibadah dan akhlak;
- (b) merancang dan melaksanakan program pengimarahkan masjid;
- (c) mentadbir dan mengurus dengan baik dan sempurna ke atas masjid, wakaf, harta masjid dan perkuburan Islam dalam kariah;
- (d) mencadangkan keanggotaan Jawatankuasa Pengurusan Surau kepada Pegawai Tadbir Agama;
- (e) mengawasi semua surau dalam kariah dan kegiatan-kegiatan berkaitan dengannya;
- (f) membantu Majlis melaksanakan usaha-usahanya dalam bidang pembangunan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam dalam kariah;
- (g) memberi laporan segera kepada Majlis mengenai semua perkara yang berlaku dalam kariah yang memerlukan perhatian Majlis; dan
- (h) mematuhi apa-apa arahan Majlis dari semasa ke semasa.

**Keanggotaan Jawatankuasa Kariah****5. (1) Jawatankuasa Kariah hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:**

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) seorang Setiausaha;
- (d) seorang Penolong Setiausaha;
- (e) seorang Bendahari;
- (f) seorang wakil dari golongan belia;
- (g) dua orang wakil wanita;
- (h) di mana terdapat lebih daripada satu masjid dalam sesuatu kariah seorang wakil daripada masjid yang tidak dijadikan Jawatankuasa Kariah;
- (i) seorang wakil daripada tiap-tiap surau di dalam sesuatu kariah;
- (j) seorang wakil dari kalangan Pegawai Masjid; dan
- (k) tidak lebih daripada lima orang ahli yang dilantik oleh Majlis.

(2) Dua orang ahli kariah hendaklah dilantik oleh Jawatankuasa Kariah sebagai Pemeriksa Kira-Kira mengikut tempoh pelantikan Jawatankuasa Kariah berkenaan.

(3) Apabila Jawatankuasa Kariah dilantik oleh Majlis, apa-apa jawatankuasa yang diwujudkan untuk mentadbir mana-mana masjid sebelum pelantikan tersebut hendaklah dengan sendirinya terubuh. Mana-mana jawatankuasa yang berfungsi selepas pelantikan Jawatankuasa Kariah adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

**Cara pelantikan anggota Jawatankuasa Kariah**

6. (1) Satu Jawatankuasa Pemilih yang dipengerusikan oleh Orang Besar Jajahan dan dianggotai oleh Pegawai Daerah, Pegawai Tadbir Agama dan Penghulu Mukim serta diurusetiaikan oleh Pegawai Penyelaras Masjid Daerah hendaklah mencadangkan kepada Majlis, anggota Jawatankuasa Kariah bagi jawatan yang dinyatakan dalam perenggan 5(1)(a) hingga (j).

(2) Majlis hendaklah menimbangkan cadangan tersebut dan berhak untuk menerima, menolak atau menggantikan mana-mana orang yang dicadangkan itu sebagaimana yang difikirkan perlu.

(3) Jika Majlis menolak mana-mana pencalonan, Jawatankuasa Pemilih hendaklah mengemukakan pencalonan baru menurut subperaturan (1).

**Kelayakan anggota Jawatankuasa Kariah**

7. (1) Seseorang itu layak dicalonkan sebagai anggota Jawatankuasa Kariah jika dia—

- (a) beragama Islam;
- (b) warganegara Malaysia;
- (c) tidak menganggotai mana-mana Jawatankuasa Kariah lain;
- (d) berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun;
- (e) ahli kariah masjid itu;
- (f) mempunyai pengetahuan agama Islam dan berpegang dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (g) mempunyai akhlak yang mulia dan amanah;
- (h) lazim solat berjemaah di masjid;
- (i) sihat tubuh badan dan mental;
- (j) bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan; dan
- (k) tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah oleh mana-mana Mahkamah.

(2) Majlis boleh, jika ia berpuas hati bahawa terdapat hal keadaan khas yang berhubungan dengan seseorang yang tertentu dan ia tidak berlawanan dengan kepentingan awam mengecualikan kelayakan yang dinyatakan dalam perenggan (1) (b), (c), (e) dan (k).

**Tempoh pelantikan**

8. (1) Anggota Jawatankuasa Kariah hendaklah memegang jawatan bagi tempoh tiga tahun dan boleh dilantik semula jika difikirkan layak oleh Majlis.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Majlis boleh, pada bila-bila masa, menamatkan pelantikan tersebut tanpa memberi apa-apa sebab.

(3) Mana-mana orang yang menggantikan anggota yang ditamatkan pelantikannya di bawah peraturan 9, dibatalkan pelantikannya atau meletakkan jawatannya di bawah peraturan 10, hendaklah memegang jawatan tersebut selama baki tempoh jawatan anggota Jawatankuasa yang pelantikannya terhenti.

**Penamatan pelantikan**

9. (1) Pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa Kariah hendaklah tamat—

- (a) apabila dia meninggal dunia;
- (b) jika dia tidak berada di Malaysia, tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pegawai Eksekutif Majlis, selama tempoh melebihi tiga bulan; atau
- (c) jika dia tidak lagi menjadi ahli kariah masjid itu.

(2) Walau apa pun perenggan 9(1)(c), pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa Kariah tidak ditamatkan jika dia diberi pengecualian oleh Majlis di bawah subperaturan 7(2).

**Pembatalan, penggantungan pelantikan dan peletakan jawatan**

10. (1) Pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa Kariah boleh dibatalkan oleh Majlis jika dia—

- (a) telah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah oleh mana-mana Mahkamah;
- (b) berkelakuan, sama ada yang berkaitan dengan kewajibannya sebagai anggota Jawatankuasa Kariah atau selainnya, yang boleh memburukkan nama Majlis, Jabatan atau Jawatankuasa Kariah;
- (c) diisytiharkan bankrap yang belum dilepaskan;
- (d) tidak berupaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai anggota Jawatankuasa Kariah;
- (e) mengingkari, melanggar, mempertikaikan perintah atau arahan pihak berkuasa agama;
- (f) tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi; atau
- (g) tidak melaksanakan tugas-tugas sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini atau apa-apa arahan Majlis.

(2) Pengarah boleh menggantung mana-mana anggota Jawatankuasa Kariah setelah berpuas hati jika terdapat aduan mengenai salah laku anggota Jawatankuasa Kariah yang memerlukan siasatan.

(3) Seseorang anggota Jawatankuasa Kariah, boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan peletakan itu hendaklah berkuat kuasa mulai dari tarikh Ketua Pegawai Eksekutif menerima notis itu.

**Pengisian kekosongan**

11. (1) Pelantikan anggota Jawatankuasa Kariah yang baru bagi mengisi kekosongan anggota yang ditamatkan pelantikannya di bawah peraturan 9,



dibatalkan pelantikannya, digantung pelantikannya atau meletakkan jawatannya di bawah peraturan 10 adalah seperti yang berikut:

- (a) jika bilangan anggota yang ditamatkan, dibatalkan pelantikan, digantung pelantikannya atau meletakkan jawatan itu tidak lebih daripada tiga orang, Pegawai Tadbir Agama boleh mencadangkan nama anggota yang baru dan menyerahkannya kepada Ketua Pegawai Eksekutif Majlis untuk pertimbangan dan kelulusan; atau
- (b) jika bilangan anggota yang ditamatkan, dibatalkan pelantikan, digantung pelantikannya atau meletakkan jawatan itu lebih daripada tiga orang, pelantikan anggota yang baru hendaklah mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah peraturan 6,

dengan syarat Majlis boleh membubarkan mana-mana Jawatankuasa Kariah jika lebih daripada separuh anggota Jawatankuasa Kariah ditamatkan, dibatalkan pelantikan, digantung pelantikannya atau meletakkan jawatan. Majlis boleh memberi apa-apa arahan lanjut mengenainya.

(2) Mana-mana pelantikan yang berlawanan dengan subperaturan (1)(a) dan (b) adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

### **Penyerahan harta, barangan berharga, dokumen berkaitan dan lain-lain**

12. (1) Mana-mana—

- (a) anggota Jawatankuasa Kariah yang ditamatkan pelantikannya di bawah peraturan 9;
- (b) anggota Jawatankuasa Kariah yang dibatalkan pelantikannya, digantung pelantikannya atau meletakkan jawatannya di bawah peraturan 10; atau
- (c) Jawatankuasa Kariah yang dibubarkan di bawah peraturan 11,

hendaklah dengan serta-merta menyerahkan segala harta, barangan berharga, dokumen dan apa-apa perkara lain kepunyaan masjid kepada Pegawai Penyelaras Masjid Daerah.

(2) Mana-mana anggota Jawatankuasa Kariah yang tidak mematuhi subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dihukum di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

### **Jawatankuasa Kecil**

13. Jawatankuasa Kariah boleh menubuhkan beberapa Jawatankuasa Kecil bagi membantunya menjalankan tugas mengikut keperluan.

## BAHAGIAN III JAWATANKUASA SURAU

### **Penubuhan Jawatankuasa Surau**

14. (1) Melainkan diarahkan sebaliknya oleh Majlis, Jawatankuasa Kariah hendaklah mengemukakan cadangan kepada Jawatankuasa Pemilih yang dipengerusikan oleh Orang Besar Jajahan dan dianggotai oleh Pegawai

Daerah, Pegawai Tadbir Agama dan Penghulu Mukim serta diurusetikan oleh Pegawai Penyelaras Masjid Daerah untuk melantik Jawatankuasa Surau di dalam kariah masjid masing-masing.

(2) Jawatankuasa Surau hendaklah bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Kariahnya.

(3) Ahli Jawatankuasa Surau hendaklah terdiri tidak lebih daripada sepuluh orang.

### **Pemakaian Peraturan-Peraturan**

15. Peruntukan Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi Jawatankuasa Surau kecuali peraturan 6 dan subperaturan 10(3).

## **BAHAGIAN IV**

### **PROSEDUR MESYUARAT JAWATANKUASA KARIAH**

#### **Mesyuarat Jawatankuasa Kariah**

16. (1) Semua mesyuarat Jawatankuasa Kariah hendaklah dipanggil oleh Setiausaha atas arahan Pengerusi. Walau apa pun, Pegawai Tadbir Agama boleh, dalam keadaan tertentu, mengarahkan mana-mana Jawatankuasa Kariah mengadakan mesyuarat. Mana-mana Jawatankuasa Kariah yang tidak mematuhi arahan Pegawai Tadbir Agama di bawah subperaturan ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Pengerusi boleh pada bila-bila masa mengarahkan Setiausaha atau mana-mana anggota Jawatankuasa Kariah memanggil mesyuarat.

(3) Jika Pengerusi tidak hadir atau tidak dapat bertindak kerana sakit atau apa-apa sebab lain, dalam mana-mana mesyuarat, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) Jika Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak hadir dalam sesuatu mesyuarat, anggota-anggota yang hadir hendaklah memilih seorang daripada kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(5) Jawatankuasa Kariah hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga bulan.

(6) Semua keputusan mesyuarat Jawatankuasa Kariah hendaklah dibuat secara persetujuan atau melalui ketetapan majoriti anggota yang hadir dan berhak mengundi dan jika terdapat persamaan undi, Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau anggota yang mempengerusikan mesyuarat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mempunyai undi pemutus.

#### **Kuorum**

17. Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa hendaklah sekurang-kurangnya satu pertiga daripada bilangan anggota Jawatankuasa Kariah.

**Notis**

18. (1) Setiausaha atau mana-mana anggota Jawatankuasa Kariah, yang diarahkan oleh Pengerusi, hendaklah setelah berbincang dengan Pengerusi, mengeluarkan panggilan mesyuarat melalui notis kepada semua anggota Jawatankuasa sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh mesyuarat dengan disertakan agenda mesyuarat tersebut.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Pengerusi boleh, jika dia berpendapat bahawa terdapat keperluan segera untuk memanggil mesyuarat itu, mengarahkan supaya notis tujuh hari itu diketepikan.

**Minit**

19. (1) Semua Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kariah hendaklah disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya pada tiap-tiap kali mesyuarat oleh Setiausaha Jawatankuasa Kariah.

(2) Minit Mesyuarat yang sebelumnya hendaklah dibaca dan disahkan tertakluk kepada pindaan, jika ada.

(3) Minit Mesyuarat yang telah disahkan di bawah subperaturan (2) hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan Setiausaha atau mana-mana anggota Jawatankuasa Kariah yang diarahkan oleh Pengerusi.

(4) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kariah hendaklah diserahkan kepada Pegawai Tadbir Agama dan Ketua Pegawai Eksekutif dalam tempoh empat belas hari selepas disahkan dan ditandatangani oleh Pengerusi dan Setiausaha atau mana-mana anggota Jawatankuasa Kariah yang diarahkan oleh Pengerusi. Mana-mana Setiausaha Jawatankuasa Kariah yang tidak mematuhi subperaturan ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(5) Apa-apa Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kariah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah, dalam apa-apa prosiding, boleh diterima sebagai keterangan *prima facie* tentang fakta yang dinyatakan dalam minit itu.

**BAHAGIAN V****MESYUARAT AGUNG TAHUNAN****Mesyuarat Agung Tahunan**

20. (1) Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan sebelum 1 April pada tiap-tiap tahun. Mana-mana Jawatankuasa Kariah yang tidak mematuhi subperaturan ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Pengerusi Jawatankuasa Kariah hendaklah mengarahkan Setiausaha atau mana-mana anggota Jawatankuasa Kariah memanggil Mesyuarat Agung Tahunan.

(3) Pengerusi Jawatankuasa Kariah hendaklah mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan dan jika Pengerusi tidak hadir atau tidak dapat bertindak kerana sakit atau apa-apa sebab lain, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan itu.

(4) Jika Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak hadir dalam sesuatu mesyuarat, ahli kariah yang hadir hendaklah memilih seorang daripada kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(5) Kuorum Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dua kali ganda bilangan anggota Jawatankuasa Kariah daripada kalangan ahli kariah yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun.

(6) Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah—

- (a) membentangkan semua laporan aktiviti yang telah dilaksanakan bagi tahun sebelumnya oleh Jawatankuasa Kariah;
- (b) membentangkan semua laporan kewangan bagi tahun sebelumnya; dan
- (c) membahaskan usul yang diterima daripada ahli kariah.

(7) Satu salinan Minit Mesyuarat Agung Tahunan yang telah ditandatangani oleh Pengerusi dan Setiausaha hendaklah dihantar kepada Pegawai Tadbir Agama dan Ketua Pegawai Eksekutif dalam tempoh tiga puluh hari selepas mesyuarat diadakan. Mana-mana Setiausaha Jawatankuasa Kariah yang tidak mematuhi subperaturan ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

### **Notis Mesyuarat Agung Tahunan**

21. (1) Notis Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diberikan kepada ahli kariah sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

(2) Salinan notis Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dihantar kepada Pegawai Tadbir Agama.

### **Usul**

22. Apa-apa usul hendaklah dibuat secara bertulis dan diserahkan kepada Setiausaha Jawatankuasa Kariah tujuh hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan. Walau apa pun peruntukan peraturan ini, mana-mana ahli kariah boleh mengemukakan usul tergepar semasa Mesyuarat Agung Tahunan berlangsung dan boleh dibahaskan dengan persetujuan majoriti ahli yang hadir.

## BAHAGIAN VI

## TUGAS ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH

**Tugas Pengerusi****23. Pengerusi hendaklah—**

- (a) mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kariah dan Mesyuarat Agung Tahunan;
- (b) melaksanakan semua dasar dan keputusan Majlis berkaitan masjid;
- (c) mengawasi atau mengadakan pengawasan ke atas apa-apa aktiviti dan/atau projek yang dilaksanakan oleh masjid termasuk apa-apa aktiviti dan/atau projek yang terletak di luar premis masjid;
- (d) memantau pengurusan surau;
- (e) melaksanakan visi dan misi Jawatankuasa Kariah;
- (f) memastikan aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh masjid tidak bertentangan dengan Hukum Syarak dan undang-undang yang berkuat kuasa atau apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Majlis dari semasa ke semasa;
- (g) bertanggungjawab bagi kelakuan baik ahli kariah masjid itu dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam;
- (h) memberikan maklumat wajar dan segera kepada Majlis tentang semua perkara yang berbangkit dalam kariah masjid itu yang memerlukan perhatian Majlis;
- (i) mengawal selia dan memastikan bahawa tugas-tugas semua Jawatankuasa Kecil Kariah dijalankan dengan sempurna;
- (j) mengurus semua harta benda masjid bersama Jawatankuasa Kecil Kariah; dan
- (k) menjalankan apa-apa tugas lain yang diarahkan oleh Majlis atau Jabatan dari semasa ke semasa.

**Tugas Timbalan Pengerusi****24. Timbalan Pengerusi hendaklah—**

- (a) membantu Pengerusi Jawatankuasa Kariah menjalankan tugasnya;
- (b) menjalankan tugas Pengerusi Jawatankuasa Kariah semasa ketiadaannya; dan
- (c) menjalankan apa-apa tugas lain yang diarahkan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa.

**Tugas Setiausaha****25. Setiausaha hendaklah—**

- (a) berusaha supaya dasar dan keputusan Jawatankuasa Kariah dilaksanakan;
- (b) memanggil mesyuarat atas arahan Pengerusi;

- (c) menyediakan dan mengedarkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kariah dan Minit Mesyuarat Agung Tahunan dan laporan-laporan lain yang perlu;
- (d) menjaga dan menyimpan buku-buku, rekod-rekod dan dokumen-dokumen Jawatankuasa Kariah kecuali yang bersangkutan dengan kewangan;
- (e) menjadi pegawai penghubung antara Jawatankuasa Kariah, ahli kariah dan Jabatan;
- (f) menyediakan laporan Mesyuarat Agung Tahunan dan menyerahkan satu salinan kepada Pegawai Tadbir Agama dan Ketua Pegawai Eksekutif; dan
- (g) menjalankan apa-apa tugas lain yang diarahkan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa.

### **Tugas Penolong Setiausaha**

26. Penolong Setiausaha hendaklah—

- (a) membantu Setiausaha menjalankan tugasnya;
- (b) menjalankan tugas Setiausaha semasa ketiadaannya; dan
- (c) menjalankan apa-apa tugas lain yang diarahkan oleh Setiausaha dari semasa ke semasa.

### **Tugas Bendahari**

27. Bendahari hendaklah—

- (a) memasukkan dengan segera semua wang yang diterima ke dalam akaun bank masjid;
- (b) mengeluarkan resit bagi penerimaan wang;
- (c) menyenggarakan buku-buku akaun mengikut apa-apa arahan Majlis dari semasa ke semasa;
- (d) menyediakan penyata kewangan pada setiap bulan untuk diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira;
- (e) membentangkan penyata kewangan tahunan yang telah diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira untuk Mesyuarat Agung Tahunan;
- (f) mengemukakan penyata kewangan yang telah disahkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan kepada Pegawai Tadbir Agama dan Ketua Pegawai Eksekutif;
- (g) menyimpan dalam panjar wang runcit dan boleh membelanjakan wang tunai tidak melebihi jumlah yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa untuk perbelanjaan runcit;
- (h) membuat pembayaran yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kariah; dan
- (i) menjalankan apa-apa tugas lain yang diarahkan oleh Majlis atau Jabatan dari semasa ke semasa.

**Tugas Ahli-ahli Jawatankuasa**

**28.** Ahli-ahli Jawatankuasa hendaklah—

- (a) menyeru ahli kariah mengimarahkan masjid;
- (b) menjalankan apa-apa aktiviti masjid selaras dengan visi dan misi Jawatankuasa;
- (c) memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Jawatankuasa dalam mengendalikan apa-apa aktiviti masjid untuk memastikan kejayaannya;
- (d) berusaha untuk bertindak berdasarkan kepentingan masjid semata-mata; dan
- (e) menjalankan apa-apa tugas lain yang diarahkan oleh Majlis atau Jabatan dari semasa ke semasa.

**Tugas Pemeriksa Kira-kira**

**29.** (1) Pemeriksa Kira-Kira hendaklah memeriksa buku kira-kira Jawatankuasa Kariah sekurang-kurangnya enam bulan sekali dan memberi laporan lengkap atas pemeriksaan itu kepada Jawatankuasa Kariah. Walau apa pun peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan ini, Pemeriksa Kira-kira boleh memeriksa buku kira-kira Jawatankuasa Kariah pada bila-bila masa.

(2) Pemeriksa Kira-kira hendaklah memeriksa dengan segera penyata kewangan yang dikemukakan oleh Bendahari.

## BAHAGIAN VII

## KUASA MAJLIS

**Kuasa Majlis**

**30.** (1) Majlis boleh, dari semasa ke semasa, memberi apa-apa arahan kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengarah termasuklah—

- (a) memantau dan menyiasat pelaksanaan aktiviti Jawatankuasa Kariah;
- (b) mengeluarkan apa-apa garis panduan, pekeliling dan arahan bertulis mengenai aktiviti, pentadbiran dan kewangan masjid;
- (c) meminta atau memeriksa buku-buku, akaun dan rekod-rekod Jawatankuasa Kariah; dan
- (d) menghendaki dikemukakan kepadanya apa-apa laporan dan maklumat berkaitan Jawatankuasa Kariah.

(2) Setiap anggota Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Kecil Kariah yang ditubuhkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Majlis.

---

BAHAGIAN VIII  
KEWANGAN

**Akaun Kewangan Masjid**

31. (1) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini tiap-tiap masjid hendaklah membuka dua kategori akaun kewangan masjid berasingan seperti berikut:

- (a) akaun khas di bawah Baitulmal yang mengandungi wang amanah bagi tujuan pembangunan masjid; dan
- (b) akaun am yang mengandungi apa-apa hasil masjid, derma atau sumbangan daripada mana-mana orang bagi tujuan kepentingan masjid dan diuruskan oleh Jawatankuasa Kariah.

(2) Jawatankuasa boleh mengendalikan apa-apa akaun atau akaun-akaun yang difikirkan patut di dalam mana-mana bank atau institusi kewangan yang mengamalkan prinsip Syariah.

(3) Semua cek atau pengeluaran wang daripada akaun atau apa-apa arahan kepada bank hendaklah ditandatangani oleh dua daripada tiga orang yang berikut, iaitu Pengerusi, Setiausaha atau Bendahari.

**Perbelanjaan**

32. Apa-apa perbelanjaan yang dibuat oleh Jawatankuasa dalam menjalankan kuasa dan fungsinya di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibayar dari akaun am masjid.

BAHAGIAN IX  
PENALTI

**Penalti**

33. (1) Mana-mana orang yang bersalah atas suatu kesalahan di bawah subperaturan 5(3), 11 (2), 12(2), 16(1), 19(4), 20(1) dan 20(7) yang baginya tiada apa-apa penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi RM1000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan.

(2) Semua prosiding jenayah berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dimulakan dalam Mahkamah Syariah.

BAHAGIAN X  
PELBAGAI

**Peralihan**

34. Apabila mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini, tiap-tiap orang yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini, telah menjadi anggota Jawatankuasa Kariah yang dilantik di bawah Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah 1998, hendaklah disifatkan sebagai telah dilantik sewajarnya di bawah Peraturan-Peraturan ini dan hendaklah, tertakluk kepada peraturan 9, terus memegang jawatannya.



**Pemansuhan**

35. Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah 1998 [*Pk.P.U. 2/1999*] hendaklah dengan ini dimansuhkan dan hendaklah terhenti terpakai bagi Negeri Perak Darul Ridzuan pada permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

Dibuat 14 Januari 2015

[MAIPK(BP)A603/908;PU.PK. 58/08]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia

DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR  
*Menteri Besar*  
*Perak Darul Ridzuan*

---

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (PERAK)  
ENACTMENT 2004

*JAWATANKUASA KARIAH* OF THE STATE OF  
PERAK REGULATIONS 2015

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

PART I  
PRELIMINARY

Regulation

1. Name and commencement
2. Interpretation

PART II

*JAWATANKUASA KARIAH*

3. Appointment of the *Jawatankuasa Kariah*
4. Duties of the *Jawatankuasa Kariah*
5. Membership of the *Jawatankuasa Kariah*
6. Method of appointment of members of the *Jawatankuasa Kariah*
7. Qualification of members of the *Jawatankuasa Kariah*
8. Duration of appointment
9. Termination of appointment
10. Revocation, suspension of appointment and resignation
11. Fulfillment of vacancy
12. Surrendering of property, valuable goods, relevant documents and etc.
13. Sub Committee

PART III

*JAWATANKUASA SURAU*

14. Establishment of the *Jawatankuasa Surau*
15. Application of Regulations

PART IV

MEETING PROCEDURE OF THE *JAWATANKUASA KARIAH*

16. Meeting of the *Jawatankuasa Kariah*
17. Quorum
18. Notice
19. Minutes

PART V  
ANNUAL GENERAL MEETING

Regulation

20. Annual General Meeting
21. Notice of the Annual General Meeting
22. Motion

PART VI  
DUTIES OF MEMBERS OF THE *JAWATANKUASA KARIAH*

23. Duties of Chairman
24. Duties of Deputy Chairman
25. Duties of Secretary
26. Duties of Assistant Secretary
27. Duties of Treasurer
28. Duties of Members of the *Jawatankuasa*
29. Duties of Financial Examiner

PART VII  
POWER OF THE MAJLIS

30. Power of the Majlis

PART VIII  
FINANCIAL

31. Financial Account of Masjid
32. Expenses

PART IX  
PENALTY

33. Penalty

PART X  
MISCELLANEOUS

34. Transitional
35. Repeal

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (PERAK)  
ENACTMENT 2004

*JAWATANKUASA KARIAH* OF STATE OF  
PERAK REGULATIONS 2015

